HARIAN METRO – SELASA 8 MEI 2018

DALE OKU SERBA BOLEH

Selesa berdikari, jadikan aplikasi Live FB sebagai medium untuk cari pendapatan sampingan

Redaksi Meharam
pengarang@metro.com.my

Meskipun berusia orang kurang upaya (OKU), Dale Adelra Ori, 26, lebih selesa berdikari berbanding menghampiri bantuan sesiapa dapada keluarga dan individu sekeliling.

Buktinya, anak bongsu daripada tiga bersaudara ini berusaha mencari pakaian dan kasut menerusi aplikasi Live Facebook (FB) sejak dua bulan lalu.

Dapatnya, Vincent Ori, 56, berkata, Dale yang pernah mengalami pembedahan akibat penyakit lelahan cerah dalam otak (hidrosefalus) sejak berumur dua bulan memilih cara ini kerana minat dan keinginannya untuk mencari pendapatan sampingan seperti individu lain.

"Sebelum ini, Dale lebih aktif dalam sukan boccia dan pernah mewakili negara dalam kembiatan Sukan Para ASEAN Bersama di Tokyo pada 2009 dan Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur.

"Namun, sejak dua tahun kebelakangan ini, dia mula mencuba semua yang baru tanpa mempat barangan secara dalam talian menggunakan Facebook.

"Barangan ini diperoleh daripada rakannya yang menjadi pembekal dan apa yang menarik, dia berinteraksi secara langsung dengan pengikutnya menerusi aplikasi Live di FB," katanya.

Menurut Vincent, Dale mempersembahkan kira-kira dua hingga empat jam untuk berarus siaran di FB dan kebiasaannya pada waktu petang dan malam.

Pada waktu pagi digunakannya untuk berehat atau mendalami latihan boccia sebagai persiapan jika ada kejohanan pada masa akan datang.

"Boleh dikatakan, Dale mendalami urus niaga ini bersesuaian berbanding daripada proses mengambil pesanan sehingga melakukan pembungkusan untuk dihantar kepada pelanggan.

"Bukan tidak mahu membantu tetapi sejak dua tahun lagi, Dale lebih suka berdikari malah dia sendiri yang membalas kiriman mesej pelanggan di WhatsApp.

"Cuma, saya tetap akan memantau dan membantunya terutama berkaitan hal pengurusan diri kerana dia tidak dapat bergerak kecuali menggunakan kerusi roda automatik selain mengalami jurutatih perhadiahnya ketika latihan," katanya.

Menurut Vincent, walaupun Dale tidak mendapat pendidikan formal di sekolah, anaknya ini tetap mempunyai kelebihan selain dalam bidang sukan.

Antaranya adalah dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan kemahiran menghasilkan bain-T.

"Dale tidak mempunyai pendidikan formal dan kebolehan di peringkat sekolah tetapi pernah dihantar ke Pusat Sports Selangor.

"Selain itu, saya juga pernah menghantarnya ke sebuah kolej swasta bagi mengikuti kursus Teknologi Maklumat (Diploma) namun sekadar untuk membolehkannya menimba ilmu dalam bidang berkenaan.

"Bagi saya, ini sebahagian inisiatif untuk membantunya dan walaupun Dale bersama OKU, dia cepat belajar. Malah, saya tidak pernah memandang kekurangannya dengan memberi layanan istimewa tetapi saya cara seperti anak yang lain kerana bagi saya Dale mempunyai banyak kelebihan," katanya.

DALE mendaftar barangan yang dipesan oleh pelanggan.